

8 JAN 1996

PERDANA MENTERI RASMI DIALOG PASIFIK KEDUA

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Dialog Pasifik Kedua di sini yang akan membincangkan pelbagai isu yang dihadapi oleh rantau Pasifik.

Dialog dua hari itu disertai oleh ahli-ahli politik, diplomat veteran, pemimpin korporat, cendekiawan dan penyelidik daripada Amerika Syarikat (AS), Jepun, Singapura, Indonesia dan Malaysia.

Antara mereka yang menghadirinya ialah Pengerusi Jawatankuasa Perkhidmatan Bersenjata Senat AS, Senator Sam Nunn.

Topik-topik yang akan dibincangkan dalam dialog itu ialah cara-cara mengelakkan konflik ekonomi, menggalakkan persefahaman kebudayaan dan cabaran keselamatan di Pasifik pada abad ke 21.

Esok, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka berucap pada majlis makan tengah hari.

Dialog itu dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Stratejik dan Antarabangsa (ISIS), Institut Penyelidikan Dasar dan Pusat Dasar Asia Pasifik yang beribu pejabat di Washington D.C. -- Bernama